

KENYATAAN TENDER

Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), ialah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Tanggungjawab utama PAAB adalah untuk membangunkan infrastruktur air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan selaras dengan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

Selaras dengan tanggungjawab tersebut, PAAB ingin mempelawa syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang bersesuaian untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja berikut :

NOMBOR TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER	*JENIS SYARIKAT TEMPATAN	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH/ MASA TAKLIMAT	TEMPOH PEMBELIAN DOKUMEN TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
PAAB/ C009/ PAKEJ 2/ 03/26	<p>CADANGAN PROJEK NRW PENGANTIAN PAIP DI DAERAH KUANTAN, NEGERI PAHANG OP4-24</p> <p>Pakej 2: Cadangan Penggantian Paip di Kawasan Perindustrian Gebeng, Jalan Kuantan dan Balok</p>	T1	SPKK dan Perakuan Pendaftaran CIDB Gred G7 Pengkhususan CE20 dan CE21	<p>Tarikh: 24 Februari 2026 (Selasa)</p> <p>Masa: 11.00 pagi</p> <p>Tempat: Bilik Gerakan Tingkat 1, Pengurusan Air Pahang Berhad, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang.</p>	<p>Tarikh: 25 Februari 2026 (Rabu)</p> <p>6 Mac 2026 (Jumaat)</p> <p>Masa: 8.30 pagi hingga 5.00 petang</p>	<p>RM 1,500.00</p> <p>Dokumen Meja Tender dipamerkan mulai</p> <p>25 Februari 2026 (Rabu)</p>	<p>17 Mac 2026 (Selasa)</p> <p>Pada atau sebelum 12.00 tengahari</p> <p>KOTAK TENDER A Tingkat 20, Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.</p>

- Jenis Syarikat Tempatan**
T1 - Syarikat 100% milik tempatan (**Sila lampirkan salinan Profil Syarikat atau Profil Perniagaan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**).
- Taklimat Tender dan Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN.** Hanya pegawai yang ditauliahkan yang tercatat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dibenarkan untuk menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak. Maklumat terperinci lawatan tapak akan diberikan pada sesi taklimat tender seperti yang dinyatakan di atas. Lawatan tapak akan dijalankan selepas taklimat tender selesai. **Kontraktor diwajibkan untuk memakai peralatan pelindungan diri (kasut, vest dan topi keselamatan) bagi tujuan lawatan tapak.**
- Bayaran Dokumen Tender boleh dibuat secara 'Electronic Fund Transfer'(EFT) di atas nama **Pengurusan Aset Air Berhad**. Hanya Petender yang layak akan menerima e-mel untuk membuat pembayaran secara atas talian. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai tidak akan diterima.
- Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil pemohon yang mengemukakan surat kuasa bersama dengan lesen / sijil pendaftaran **ASAL atau SALINAN YANG DISAHKAN**. Sesalinan sijil-sijil ini perlu dikemukakan untuk simpanan PAAB (tidak dikembalikan).
- Dokumen Tender boleh didapati bermula pada tarikh yang dinyatakan di atas pada waktu pejabat di alamat berikut:

URUS SETIA TENDER

PENGURUSAN ASET AIR BERHAD (Reg. No. 200601012793 (732544-D))
Tingkat 20, Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.
Tel : 03 2614 5432 / 5498 | Fax : 03 2614 5448 | Pegawai : Siti Masitah Binti Ab Rani

- Dokumen Tender yang telah dilengkapi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertakrif dan bertanda dengan jelas di penjurua atas sebelah kiri "Nombor Tender" dan "Tajuk Tender" tanpa apa-apa pengenalan diluarnya. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Kotak Tender yang telah ditetapkan mengikut jadual di atas tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari di alamat seperti di atas.
- Pihak PAAB tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran tender yang paling rendah atau sebarang tawaran atau mengemukakan sebab-sebab tawaran tersebut ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini.